

"Jangan terlampau sangat mengutamakan ganjaran..." kata Dr M

"'Elak Godaan Ganjaran...' Dr. M ingatkan bahaya jika nafsu dibiar kuasai diri," kata sebuah kepala besar muka hadapan di Berita Harian Mei 28, 1982. Berita berikutan berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan rasa bimbangya terhadap kecenderungan yang menurutnya mulai ketara di kalangan anggota UMNO untuk "merebut ganjaran yang boleh di dapati daripada perjuangan mengisi kemerdekaan negara."

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO mengingatkan sekiranya dibiarkan nafsu menguasai diri, masyarakat akan kucar-kacir dan negara hancur.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam temuramah dengan "Merdeka" — suara rasmi UMNO Malaysia dalam keluaran terbarunya.

Menurut beliau, kecenderungan itu timbul kerana anggota-anggota UMNO menyangka bahawa perjuangan mengisi kemerdekaan telah mencapai matlamatnya.

"Kini kebanyakan orang terlalu menitikberatkan soal ganjaran yang boleh didapati dan bukannya perjuangan itu sendiri," katanya.

Pada masa dulu, katanya lagi, UMNO berjuang bukan untuk laba sendiri tetapi untuk memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Perdana Menteri berkata, perpaduan dan disiplin partilah yang menjadi asas kemajuan dan kestabilan negara hingga masa ini.

Oleh itu, tegasnya, disiplin parti adalah penting dan kecenderungan yang mulai ketara untuk merebut ganjaran harus dibendung sekuatkuatnya.

Beliau menasihatkan anggota-anggota parti supaya berusaha menghidupkan semula semangat perjuangan asal UMNO dalam diri mereka sendiri.

"Kita berjuang bukan untuk laba sendiri tetapi untuk memelihara maruah dan kehormatan bangsa," tegas beliau.

Komen Penulis:

"Ganjaran", mengikut Kamus Dewan adalah bermakna "hadiah (untuk perbuatan baik dan lain-lain)..."

Oleh kerana apa yang diperkatakan oleh Da-

tuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri merangkap Ketua Parti yang berkuasa itu, adalah menjelaskan maksudnya sendiri, maka tidaklah perlu bagi penulis membuat komen atau penjelasan panjang lebar mengenainya.

Dengan itu, memadai jika penulis berkata bahawa orang-orang yang mementingkan ganjaran di atas segala-galanya (setelah berjaya melakukan sesuatu) biasanya adalah terdiri dari golongan pencuri dan perompak...

Bukti — dari cerita-cerita yang penulis terbac dalam buku-buku dhal orang-orang Barat, ataupun mengikut cerita-cerita TV mengenai geng-geng Mafia di Barat — ahli-ahli sindiket atau geng, yang ditubuhkan dengan tujuan menipu, memerasugut dan merompak, bila sahaja mereka memperoleh "kejayaan besar" dalam satu-satu rancangan atau "operasi" maka mereka pun mula bertembak-tembak dan bertikam-tikam (kebiasaannya dari belakang) sesama sendiri, atas alasan "less people more share", yakni "kurang orang lebih ganjaran"...

Akhirnya, kesemua mereka itu akan terbunuh, dan "ganjaran" yang telah menjadi rebutan, yakni "dolar dan dollar", berterbangan di keliling mayat mereka...

Kesemua ini adalah kerana ahli-ahli Geng Mafia tidak mempunyai "semangat perjuangan", seperti yang dimaksudkan oleh Dr. M itu, dan jauhlah sekali dari memahami erti maruah peribadi ataupun "integrity". Dengan itu "perjuangan" mereka adalah semata-mata berdasarkan kepada keftungan berupa kebebasan, yang diharap akan membawa kemewahan dan kekayaan kepada diri sendiri dan keluarga!

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2793
No. Penerimaan 535/85